

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



SELAMAT HARI AKADEMIA: 5 Oktober 2021

Dr. Farhah Abdullah
Pusat Asasi, UiTM Selangor Cawangan Dengkil

Masih belum terlambat untuk mengucapkan Selamat Hari Akademia buat semua pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM), walau di mana sahaja anda berada. Bukan semua orang berpeluang menjadi pensyarah. Para pensyarah di universiti mempunyai skop tugas hakiki yang berlainan berbanding guru-guru di sekolah. Pensyarah mempunyai pelbagai tuntutan tugas hakiki, selain pengajaran, penyelidikan, penerbitan, dan tidak terkecuali diamanahkan dengan tugas-tugas pentadbiran, rundingan dan khidmat masyarakat. Melihat daripada skop pengajaran,





kepuasan mengajar bagi seorang pendidik datang daripada minat berkongsi ilmu berdasarkan kelayakan akademik dan kepakaran, suka membaca, menulis, mengkaji serta kemampuan berfikir di luar kotak.

Tidak ramai pelajar mengetahui bahawa untuk membuat persediaan dalam pengajaran dan penyeliaan itu sebenarnya melibatkan masa, usaha dan pengorbanan yang bukan sedikit. Menjadi kelebihan kepada pelajar seandainya berpeluang belajar dengan pensyarah yang mempunyai pengalaman semasa bekerja di industri yang mana pengalaman ini dapat dikongsi dengan para pelajar. Ada ketikanya, pensyarah juga turut mengambil inisiatif untuk menjalani latihan industri, tidak hanya untuk meningkatkan kesedaran diri-sendiri malah bertujuan untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada para pelajar, demi melahirkan pelajar yang dinamik, menyediakan tenaga profesional yang mempunyai jati diri, integriti yang tinggi, mempunyai keazaman untuk berjaya dalam hidup dan

eISSN 2600-9811

mampu membuat keputusan yang tepat berdasarkan ilmu yang dipelajari di kampus.

Amat beruntung seandainya para pelajar mempunyai pensyarah yang mempunyai keseronokan mengajar dari hati walaupun dihalang dengan pelbagai cabaran untuk menyiapkan penyelidikan, penulisan jurnal, buku, bab dalam buku, artikel di akhbar atau tugas-tugas pentadbiran. Pensyarah juga didedahkan dengan pelbagai inovasi kaedah pengajaran dan kursus pengajaran sama ada dalam talian atau dalam dewan kuliah secara berkala serta penambahbaikan nota-nota kuliah pengajaran secara sistematik. Melalui syarahan, pensyarah berusaha mendidik para pelajar, untuk menjadi sebaik-baik hamba Allah yang mampu memberi banyak manfaat kepada agama, bangsa dan negara pada masa hadapan.

Sesungguhnya jasa para ahli akademik tidak ternilai. Maka, Hari Akademia yang ditetapkan pada 5 Oktober setiap tahun, perlu diraikan dan dihayati dengan mendalam. Apapun, keberkatan ilmu, kejayaan

dalam segala bidang diceburi dan keberkatan hidup bakal mahasiswa dan mahasiswi, bergantung kepada sedalam mana ingatan, doa, adab yang baik, akhlak dan hubungan silaturahim dengan para pensyarah yang pernah mengajar, dan turut memuliakan serta mendoakan para guru sejak dari peringkat mengaji Al-Quran, tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kepada sahabat-sahabat seperjuangan dalam bidang akademik, usah berkecil hati bahkan bersikap berlapang dada dan mendoakan yang terbaik kepada semua pelajar sama ada mereka masih mengingat, bertanya khabar, menghargai atau sebaliknya. Kepada mahasiswa dan mahasiswi, sentiasalah mendoakan, memuliakan serta berusaha menyambung dan mengeratkan semula silaturahim dengan para pensyarah/ahli akademik terutama selepas tamat pengajian, kerana tanpa didikan, tunjuk ajar dan bimbingan mereka semua, siapalah kita. Selamat Hari Akademia.

Wallahua'lam.



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash